

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Tuesday, May 15, 2018 11:40 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin
Subject: PENYERAHAN KOMPUTER TERPAKAI KE SEKOLAH KEBANGSAAN BANDAR BARU SINTOK



**Pejabat Pembangunan
Pelajar dan Alumni**

STUDENT DEVELOPMENT & ALUMNI OFFICE

Universiti Utara Malaysia

15 MEI 2018 / 29 SYAABAN 1439H

=====
"UUM:UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PENYERAHAN KOMPUTER TERPAKAI KE SEKOLAH KEBANGSAAN BANDAR BARU SINTOK

SINTOK: Pada 27 Mac 2018, telah berlangsung satu program iaitu Program Student Moving Beyond yang dianjurkan oleh Persatuan Information Technology UUM Association (ITECH) bersama Pusat Pembangunan Pelajar dan Alumni CAS yang bertempat di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Sintok, Kedah. Tahniah dan syabas diucapkan kepada pengarah program iaitu Mohamad Fazuan Bin Mohd Wafat dan ahli jawatankuasa yang lain kerana berjaya melaksanakan program ini dengan jayanya.



Seramai 10 orang wakil dari Persatuan ITECH telah memasang sebanyak 50 buah komputer yang disumbangkan kepada sekolah. Dalam masa yang sama, cikgu sekolah juga turut membantu dalam melancarkan pemasangan komputer tersebut. Komputer tersebut telah diperiksa terlebih dahulu sebelum dihantar ke Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Sintok. Di

dalam program ini, telah diadakan perasmian penyerahan oleh Dr Mohamad Farhan Mohamad Mohsin, Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni CAS kepada guru besar. Sebuah komputer telah diberikan sebagai simbolik penyerahan di Dewan Terbuka sekolah.

Berdasarkan maklum balas yang diperolehi, program ini mendapat pujian daripada cikgu-cikgu sekolah yang amat memerlukan komputer untuk memudahkan pembelajaran. Diakhir program, Dr. Massudi Mahmuddin, Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni CAS memberi maklum balas yang positif dan meminta Persatuan ITECH untuk membuat CSR berkala sama ada mengajar tentang bidang IT dan lain-lain. Program ini turut dihadiri oleh Puan Nooraini@Noorfizani Hj Hussein, Penolong Pendaftar Kanan PPA CAS, staf PPA CAS, Guru Besar, cikgu-cikgu dan ahli I-Tech sendiri.

Tamat.

=====

Students Development & Alumni Office
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307/5507 | Faks: 049285310
Email:cas-sadc@uum.edu.my
Website:ppacas.uum.edu.my




Students Development & Alumni Office



@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.